

# MB tiada kuasa pecat Zakaria

Exco Selangor akan bertindak jika enggan letak jawatan 8 November

**S**HAH ALAM: Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo berkata, pemecatan Datuk Zakaria Md Deros sebagai Ahli Majlis Perbandaran Klang (MPK) hanya boleh dibuat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Selangor.

Dr Mohamad Khir berkata, pelantikan Zakaria sebagai Ahli MPK dibuat menerusi Exco dan peletakan jawatan atau pemecatannya hanya boleh dibuat oleh majlis itu dan Menteri Besar tidak boleh berbuat demikian.

"Saya tidak boleh buat keputusan sendiri untuk menyingkirkannya jika beliau tidak meletak jawatan. Saya memerlukan persetujuan Exco," katanya dalam temu bual dengan *New Straits Times* (NST) di sini, semalam.

Dr Mohamad Khir memberitahu, pihaknya sudah menetapkan supaya Zakaria yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) meletak jawatan sebelum 9 pagi, 8 November ini atau menghadapi tindakan dipecat oleh Exco.

"Jika surat peletakan jawatannya tidak diterima sehingga mesyuarat Exco yang dijadualkan pada tarikh itu bermula, beliau perlu bersedia untuk dipecat daripada jawatannya di MPK," katanya.

Diminta mengulas mengenai laporan media yang mempertikaikan cara beliau menangani isu kontroversi membabitkan Zakaria, Dr Mohamad Khir berkata, Selangor ialah sebuah

negeri yang besar.

"Orang tidak boleh mengharapkan saya tahu semuanya atau berada di semua tempat pada setiap masa," katanya sekali gus menafikan MPK atau Menteri Besar tidak mempunyai kawalan terhadap ahli majlisnya.

Dr Mohamad Khir bagaimanapun mengakui hakikat bahawa kontroversi berhubung isu Zakaria menjejaskan imej Barisan Nasional (BN) tetapi pelbagai langkah sudah diamal bagi mengelak tanggapan negatif masyarakat.

Berikut ialah antara inti pati temu bual NST dengan Dr Mohamad Khir:

**Soalan (S): Datuk Seri mengarahkan Datuk Zakaria Md Deros meletakkan jawatan, tetapi penggal perkhidmatannya tamat September lalu. Jadi, tiada sebab untuk beliau meletak jawatan.**

Menteri Besar (MB): Kita perlu melantik ahli majlis baru sebelum September. Jika tidak majlis tidak boleh berfungsi. Surat tawaran dihantar sebelum September untuk mendapatkan jawapan mereka. Semua menerimanya. Majlis mengangkat sumpah hanya satu formaliti. Datuk Zakaria sudah menerima surat pelantikan dan menandatangani serta mengembalikan surat itu. Sebab itu saya memintanya meletak jawatan.

**S: Kenapa Datuk Seri membenarkan Adun menjadi ahli majlis?**

MB: Kira-kira 90 peratus negeri Selangor adalah kawasan perbandaran dan orang ramai mengadu kepada Adun. Jika kita tidak mele-takkan Adun, bagaimana kita menghubungkan rakyat kepada Yang Dipertua (YDP)? Mereka harus ada saluran untuk membangkitkan masalah.

**S: Adakah Datuk Seri gembira dengan cara MPK menangani kes Zakaria. Ia kelihatan seperti mereka tidak mahu mengambil tindakan terhadapnya?**

MB: Saya tidak tahu apa yang berlaku. Saya bertanya kepada YDP. Beberapa pegawai tidak mengambil tindakan kerana dia dihormati di Klang. Kepada saya, seorang pemimpin mesti mematuhi semua peraturan. Sebab itu saya bagi arahan kepada semua ahli majlis. Jika mereka tidak dapat selesaikan semua hutang cukai pintu dan tanah, saya akan pecat mereka.

**S: Adakah perlu dua orang dari satu keluarga dilantik sebagai ahli majlis?**

MB: Kita harus berlaku adil. Kadangkala mereka berpengetahuan, profesional atau mempunyai kedudukan dalam parti. Mereka ada keupayaan dan jawatan dalam parti tetapi kadangkala kita tidak membenarkannya. Contohnya Zakaria. Nantinya adalah lepasan universiti dan memberikan banyak nasihat serta maklumat. Anaknya juga banyak menyumbang. Kita tidak mahu ahli

majlis yang diam tetapi banyak mengadu mengenai pelbagai perkara di luar mesyuarat.

**S: Jika ahli majlis tidak menunjukkan prestasi yang baik, bolehkah Datuk Seri menamatkan perkhidmatan sebelum tempoh berakhir?**

MB: Sudah tentu. Jika mereka gagal hadir mesyuarat penuh tiga kali tanpa sebarang alasan kita boleh pecat mereka. YDP boleh hantar laporan kepada kerajaan negeri. Kita boleh pecat mereka tanpa mengira jawatan yang mereka pegang dalam parti termasuk Adun.

**S: Ada dakwaan yang menyatak Zakaria bersikap angkuh. Mengapa kerajaan mengambil masa terlalu lama untuk bertindak?**

MB: Itu gaya dia. Beliau bercakap dengan nada yang tinggi. Kepada saya bila saya mengengerusikan mesyuarat, saya tidak ada masalah. Pihak berkuasa tempatan (PBT) yang mesti ambil tindakan.

**S: Adakah Datuk Seri keberatan untuk mengambil tindakan? Adakah Datuk Seri takut pada beliau?**

MB: Jika takut, saya tidak akan ambil tindakan. Kali terakhir saya ambil tindakan di Pandamaran (Zakaria mahu membangunkan sebahagian padang permainan di kawasan itu tetapi ahli majlis lain menentangnya dan saya campur tangan serta menghentikan projek itu). Tiada

ada rasa takut atau pilih kasih.

**S: Bagaimana beliau dilantik sebagai Adun untuk penggal kedua sedangkan beliau ada banyak masalah. Contohnya beliau pernah menampar Adun DAP, Teng Chang Khim di Dewan Undangan Negeri?**

MB: Prosedur kami ialah mendapatkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan polis untuk menapis calon dan mereka berkata tiada kes terhadap beliau. Jadi beliau mendapat satu lagi penggal.

**S: Apa akan berlaku terhadap Umno Bahagian Klang. Mereka seperti mencabar kepemimpinan dengan merayu Zakaria dikekalkan?**

MB: Itu akan diputuskan oleh parti. Saya sudah baca kenyataan Timbalan Ketua bahagian. Saya sudah hantar laporan penuh kepada ibu pejabat parti.

**S: Adakah Datuk Seri masih menghubungi Zakaria?**

MB: Saya menelefon beliau beberapa kali termasuk semalam. Tugas saya adalah menasihatkan. Saya tidak boleh memaksa orang untuk ikut nasihat walaupun saya ketua. Kadangkala orang fikir nasihat itu tidak penting... pandangan mereka lebih penting.

**S: Adakah Datuk Seri akan mencadangkan Zakaria sebagai calon Adun pada masa depan?**

MB: Itu akan diputuskan oleh Perdana Menteri. - NST